

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

PENGENALAN

UPM mempunyai dua (2) alat pengurusan utama yang digunakan untuk mengukur pencapaian atau prestasi universiti berdasarkan misi dan matlamat yang telah ditetapkan. Dua alat pengurusan tersebut ialah KPI UPM berdasarkan keperluan perkhidmatan strategik universiti dan KPI kedua ialah keperluan UPM untuk memenuhi KPI Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang diukur berdasarkan sasaran objektif strategik Projek Agenda Kritikal (CAPs). Kedua-dua komponen KPI ini menjadi penunjuk pencapaian pelaksanaan dan sekali gus bertindak sebagai alat pengurusan untuk mengukur produktiviti, keberkesanan sistem penyampaian dan prestasi UPM.

PENCAPAIAN KPI UPM

Pada 2013, UPM menetapkan 45 KPI berbanding dengan 46 dan 42 KPI masing-masing pada 2012 dan 2011. Pencapaian KPI UPM pada 2013, 2012 dan 2011 ini merupakan sebahagian daripada petunjuk prestasi penting yang diukur dalam Pelan Strategik UPM 2011-2013. Oleh yang demikian, laporan pencapaian KPI 2013 bukan sahaja mengukur prestasi UPM pada tahun semasa, tetapi ia juga menyediakan maklumat prestasi keseluruhan Pelan Strategik UPM 2011-2013 yang berakhir pada 31 Disember 2013.

KPI yang dibangunkan oleh UPM adalah berdasarkan tujuh (7) teras utama perkhidmatan universiti berdasarkan portfolio setiap ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang meliputi akademik, penyelidikan dan inovasi, hal ehwal pelajar, jaringan industri dan masyarakat, sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan perpustakaan. Prestasi tujuh (7) perkhidmatan ini juga adalah komponen penting yang dibentuk dalam lima (5) matlamat Pelan Strategik UPM 2011-2013.

Secara keseluruhannya, UPM berjaya memperoleh markah 92.02% pada 2013 berbanding dengan 95.27% yang diperolehi pada 2012 dan 92.74% pada 2011. Sebanyak 27 daripada 45 KPI didapati berjaya melepasi sasaran yang telah ditetapkan. Antara KPI yang menunjukkan pencapaian yang cemerlang adalah

seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Rajah 1 pula memaparkan pemberat dan kekerapan pengukuran.

Jadual 1 : KPI yang Menunjukkan Pencapaian Cemerlang


Bil.	KPI		Pencapaian 2012	Sasaran 2013	Pencapaian 2013
1.	Akademik dan Antarabangsa	Peratus kemasukan pelajar baharu prasiswazah dengan PNGK 3.500 dan ke atas	52.87%	53%	52.26 %
2.	Penyelidikan dan Inovasi	Bilangan produk yang dikomersilkan	+14	+6	+11
3.		Bilangan Perlesenan Teknologi <i>Know How</i>	+10	+10	+14
4.	Hal Ehwal Pelajar	Kebolehpasaran Graduan	85.9%	86%	86.1%
5.		Keseluruhan Indeks Kepuasan Pelajar	81.1%	82%	92.9%
6.		My3S : Kemahiran Kerja Berpasukan (TS)	93%	85%	85.91%
7.		My3S : Kemahiran Keusahawanan (KK)	90%	75%	84.19%
8.		My3S : Moral dan Etika (EM)	90%	85%	92.20%
9.		My 3S - <i>Overall Generic Students' Attributes</i>	85.5%	85%	85.28%
10.		Penjanaan Pendapatan:	RM14.546m	RM40m	RM40.07m
		a) Alumni b) Perkhidmatan lain			
11.	Jaringan Industri dan Masyarakat	Peratus penglibatan dengan 7229 GLC, MNC, PLC & lain-lain yang telah dikenal pasti strategik dan relevan dengan UPM	26% (1881)	30% (2170)	114.6% (2487/2170)
12.		Peratusan peningkatan dalam penembusan masyarakat di 145 daerah yang dikenal pasti strategik dengan UPM	37.2% (54 daerah)	27.6% (40 daerah)	147.5% (59/40 daerah)

Bil.	KPI	Pencapaian 2012	Sasaran 2013	Pencapaian 2013
13.	Indeks Kepuasan Majikan (input kepada SETARA)	12.3 / 13 (94.6%)	12 / 13 (92.3%)	11.89/ 13 (91.46%)
14.	Tahap Impak Jaringan Industri dan Masyarakat i) Bilangan staf yang terlibat dalam penglibatan dengan industri yang berimpak *Skala <i>star rating</i> industri 3-5	60	450	587 (ketua projek) (130.4%)
	ii) Bilangan staf yang terlibat dalam projek komuniti yang berimpak *Skala <i>star rating</i> komuniti 2-5			252 (ketua projek)
15.	Penjanaan pendapatan (Jaringan Industri dan Masyarakat)	RM43.4 juta	RM42.5 juta	RM52.8 m (124.2%)
16.	Membangunkan sistem penilaian berasaskan hasil untuk semua peringkat staf : Bukan akademik (P&P)	95%	100% (Q2)	100%
17.	Staf akademik dengan kelayakan PhD	82.4%	83%	83.67%
18.	Sumber Manusia Persijilan <i>Environment Management System</i> (MS ISO 14001:2004)	-	100% (Q4)	100%
19.	Pelan Penggantian - Pengenalpastian 3 calon yang berwibawa untuk jawatan kritikal (Dekan, Timbalan Dekan dan Jawatan Strategik Bukan Akademik)	-	100%	100%

Bil.	KPI		Pencapaian 2012	Sasaran 2013	Pencapaian 2013
20.	Pengurusan Kewangan	Penjanaan pendapatan (Bendahari)	RM46.5m (termasuk kutipan hutang)	RM22m (tidak termasuk kutipan hutang)	RM30.2m (tidak termasuk kutipan hutang)
21.		Indeks Kepuasan Pelanggan (Perkhidmatan Kewangan)	72%	70%	87%
22.		Peratus hutang yang dikutip bagi invoice yang dikeluarkan dalam tempoh 90 hari	-	60%	63.1%
23.	Perkhidmatan Perpustakaan	Indeks Kepuasan Pelanggan Perpustakaan (Pelajar Prasiswazah)	88.87%	70%	85.08%
24.		Indeks Kepuasan Pelanggan Perpustakaan (Pelajar Pascasiswazah)	80.94%	70%	75.12%
25.		Indeks Kepuasan Pelanggan Perpustakaan (Staf)	80.94%	70% (4&5)	86.01%
26.		Peratus Tajuk Diperlukan Dalam Koleksi (untuk menilai senarai tajuk bacaan yang dimiliki oleh Perpustakaan)	84.2%	85%	88.17%
27.		Peningkatan Kandungan Digital dalam Portal UPM IR	-	10%	34.62%

Walaupun pencapaian keseluruhan melebihi 90% sasaran, terdapat sedikit jurang prestasi iaitu perbezaan 3.25% pencapaian berbanding dengan prestasi pada 2012. Oleh yang demikian, sasaran 2014 akan memfokuskan kepada beberapa KPI yang tidak mencapai sasaran dan sekali gus menggunakan pendekatan yang lebih efektif untuk meningkatkan prestasi yang lebih cemerlang.

PEMBERAT DAN KEKERAPAN PENGUKURAN KPI 2013



Analisis pencapaian juga dibuat mengikut setiap portfolio JPU, di mana prestasi 2013 menunjukkan empat (4) portfolio telah meningkat prestasinya antara 1.72% hingga 3.71% berbanding dengan tahun 2012 dan portfolio tersebut ialah Hal Ehwal Pelajar, Jaringan Industri dan Masyarakat, Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Perpustakaan. Perbandingan pencapaian bagi setiap portfolio tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah seperti dalam jadual 2 berikut:

Jadual 2 : Perbandingan Pencapaian Bagi Setiap Portfolio

Portfolio	Peratus Pencapaian		
	Tahun 2011	Tahun 2012	Tahun 2013
Akademik	89.33	96.29	86.68
Penyelidikan dan Inovasi	92.61	86.38	85.30
Hal Ehwal Pelajar	95.60	98.28	100
Jaringan Industri dan Masyarakat	100	97.38	99.82
Sumber Manusia	76.89	88.93	72.34
Pengurusan Kewangan	80.00	100	100
Pengurusan Perpustakaan	96.29	96.29	100

Berdasarkan Jadual 2 di atas, pencapaian keseluruhan Pelan Strategik 2011-2013 mengikut enam (6) matlamat telah diukur melalui penilaian KPI UPM seperti dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3 : Pencapaian Keseluruhan Pelan Strategik 2011-2013

MATLAMAT	BILANGAN KPI	PENCAPAIAN		
		2011	2012	2013
Matlamat 1 : Menarik pelajar cemerlang dan menghasilkan graduan berilmu dan berdaya saing				
Akademik	9	89.33% (8 KPI)	96.29% (9 KPI)	86.68% (9 KPI)
Hal Ehwal Pelajar	10	95.60% (10 KPI)	98.28% (10 KPI)	100% (10 KPI)
Matlamat 2: Melonjak tahap pencapaian penyelidikan dan inovasi ke peringkat				

antarabangsa				
Penyelidikan dan Inovasi	7	92.61% (8 KPI)	86.38% (7 KPI)	85.30% (6 KPI)
Matlamat 3: Memperkasa penglibatan komuniti untuk penjanaaan dan perkongsian ilmu				
Jaringan Industri dan Masyarakat	6	100% (4 KPI)	97.38% (6 KPI)	99.82% (5 KPI)
Matlamat 4: Memperkasakan UPM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan pertanian dan biosumber tropika				
Pertanian		Diukur dalam Matlamat 1-3		
Matlamat 5: Memperkemas tadbir urus dan pengurusan sumber berdasarkan amalan terbaik				
Sumber Manusia	6	76.89% (6 KPI)	88.93% (6 KPI)	72.34% (7 KPI)
Kewangan	3	80% (3 KPI)	100% (3 KPI)	100% (3 KPI)
Perkhidmatan Perpustakaan	5	96.29% (3 KPI)	96.29% (5 KPI)	100% (5 KPI)
Matlamat 6: Memperkasakan Sekolah Pengajian Pengurusan sebagai <i>Top Business School</i>				
<i>Top Business School</i>	<i>Penubuhan Putra Business School</i>	100%	100%	100%
JUMLAH	46	92.74% (42 KPI)	95.27% (46 KPI)	92.02% (45 KPI)

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

KPI UPM diukur secara berkala pada setiap suku tahun, iaitu suku pertama (S1), suku kedua (S2), suku ketiga (S3) dan suku keempat (S4) mengikut jumlah KPI yang telah ditetapkan. Semua data KPI ini dianalisis dan dipantau melalui Sistem MyPutra Cockpit di bawah seliaan Bahagian Perancangan Korporat (BPK). Sebanyak 19 KPI diukur pada S1, 22 KPI diukur pada S2, 22 KPI pada S3 dan keseluruhan 45 KPI diukur pada S4. Penilaian KPI UPM mengikut sukuan adalah sebagaimana terkandung dalam laporan mengikut sukuan seperti di bawah:

Penilaian Suku Pertama 2013

Penilaian suku pertama telah melibatkan pengukuran 19 KPI daripada 45 KPI yang ditetapkan pada 2013. Pencapaian keseluruhan UPM adalah 82% iaitu peningkatan sebanyak 0.9% berbanding dengan tempoh yang sama pada 2012. **Akademik, Jaringan Industri dan Masyarakat, Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan dan Perkhidmatan Perpustakaan** telah mencapai prestasi lebih daripada 90%

untuk penilaian suku pertama ini. Bagaimanapun, terdapat beberapa inisiatif yang telah diberi perhatian terutamanya untuk meningkatkan penjanaaan pendapatan, penerbitan penyelidikan, inovasi, serta melihat semula beban tugas penyeliaan pelajar serta komitmen dalam pelaksanaan organisasi keaja.

Penilaian Suku Kedua 2013

UPM telah mencapai 85.1% pada penilaian suku kedua hasil daripada prestasi 22 KPI yang telah dibuat pengukuran. Pencapaian ini lebih baik daripada tahun 2012 bagi tempoh yang sama iaitu peningkatan sebanyak 12.3% pada prestasi 2013.

Hasil daripada penilaian suku kedua, didapati tiga (3) KPI mencapai sasaran yang telah ditetapkan pada 2013 iaitu **Indeks Kepuasan Pelajar** dengan pencapaian 92.5% berbanding dengan sasaran 82%, **Akademik Staf yang mempunyai PhD** mencapai prestasi 84.4% berbanding dengan sasaran 83% dan **Pelan Penggantian** dengan pencapaian 100%.

Bagaimanapun, pencapaian setiap KPI dikaji secara terperinci dan UPM terus memberi penekanan terhadap usaha membangunkan sistem penilaian staf bukan akademik yang berkesan dan komprehensif, meningkatkan pemantauan penyeliaan pelajar, mempergiatkan program penyelidikan dan inovasi, dan mengambil tindakan susulan terhadap maklum balas kajian kepuasan pelajar.

Penilaian Suku Ketiga 2013

Pada suku ketiga 2013, UPM mencapai prestasi sebanyak 94.3% daripada 22 KPI iaitu peningkatan sebanyak 9.2% berbanding dengan pencapaian pada suku kedua 2013 dan 11.73% pada tempoh yang sama tahun 2012. Penilaian ini merupakan intervensi terakhir sebelum pencapaian tahun 2013 dimuktamadkan menjelang suku keempat.

KESIMPULAN

Pencapaian cemerlang KPI UPM sejak tahun 2011 hingga 2013 merupakan kejayaan inisiatif Pelan Strategik UPM 2011-2013. Kejayaan cemerlang tersebut adalah hasil daripada sistem dan budaya kerja yang memberi impak bernilai tinggi terhadap produktiviti. Sesungguhnya, budaya UPM telah memupuk kreativiti, kreatif dan dinamik dalam mewujudkan daya saing yang lebih efektif sejajar dengan

perkembangan semasa universiti. Oleh itu, UPM akan terus membina kecemerlangan dan melaksanakan pelbagai inisiatif penting terutamanya dalam membuat lonjakan perdana melalui pembangunan Pelan Strategik 2014-2020 bagi menjayakan hasrat universiti menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa.